

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [ JELUTONG ]**

**TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 59**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan kemudahan-kemudahan seperti tempat letak kereta di lapangan terbang tersebut kerana semua kemudahan telah mencecah tahap kegunaan sepenuhnya sekarang.

**JAWAPAN**

Yang Dipertua,

1. Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) sedia ada direkabentuk untuk menampung pengendalian 6.5 juta penumpang setahun. Namun jumlah penumpang yang dikendalikan pada tahun 2018 di LTAPP telah mencapai sebanyak 7.8 juta penumpang iaitu 120% daripada kapasiti sedia ada.
2. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan komited untuk menyelesaikan masalah kekurangan kapasiti di LTAPP. Kementerian Pengangkutan sedang mempertimbangkan beberapa opsyen untuk memperbesarkan LTAPP dengan meneroka beberapa pilihan termasuk membangunkan ruang tambahan untuk operasi syarikat penerbangan perkhidmatan penuh dan penerbangan tambang murah di bangunan terminal sedia ada. Pembangunan ruang tambahan ini akan meningkatkan kapasiti pengendalian terminal LTAPP daripada 6.5 juta penumpang kepada 12 juta penumpang setahun.
3. Bagi menampung kos pembesaran LTAPP, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan bersama-sama MAHB sedang mengkaji model pembangunan dan kaedah pembiayaan yang sesuai agar projek pembesaran ini dapat dilaksanakan dengan cara yang cost effective.

**NO. SOALAN : 59**

4. Sehingga kini, MAHB telah melantik perunding pada 15 Februari 2019 melalui tender terbuka dan pihak perunding tersebut sedang membuat kerja-kerja rekabentuk dan sebagainya. Projek naiktaraf LTAPP ini dijangka dijadualkan bermula pada Jun 2020 dan mengambil masa selama 36 bulan untuk disiapkan.
  
5. Bagi memastikan keselesaan penumpang, MAHB telah menjalankan pembangunan naiktaraf tempat letak kereta di LTAPP. Projek Pembinaan Bangunan Letak Kereta Bertingkat di LTAPP telah bermula pada bulan Ogos 2018 dan kerja – kerja pembinaan dianggarkan mengambil masa 14 bulan. Bangunan letak kereta bertingkat tersebut akan menyediakan anggaran sebanyak 2,420 lot petak pemakiran kenderaan untuk Blok A (Fasa Pertama) berbanding 850 lot pada masa ini. Dengan siapnya fasiliti ini pastinya akan memberi kemudahan yang selesa dan selamat kepada para pengguna.

Sekian, terima kasih.